

MESYUARAT MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DAN BENGKEL PELAN STRATEGIK MALUMNI

Mesyuarat Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Senat, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menjadi tuan rumah bagi penganjuran kali ini, dengan kerjasama urusetia dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Mesyuarat ini dikendalikan oleh Y.Brs. Dr. Hazli Rafis Abdul Rahim selaku Pengarah Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan UTeM, serta dihadiri oleh para pengarah dan pegawai-pegawai dari universiti awam seluruh negara yang merupakan ahli jawatankuasa MALUMNI.

Penganjuran bersama ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen bersama dalam memperkukuh jaringan dan peranan alumni, malah mencerminkan semangat kolaborasi erat antara universiti awam dalam merangka hala tuju strategik ke arah kecemerlangan institusi pengajian tinggi negara. Inisiatif ini sekali gus memberi nilai tambah terhadap usaha pemerkasaan alumni sebagai rakan sinergi yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan modal insan dan kelestarian universiti.

Mesyuarat dan bengkel yang dijalankan turut dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni UTeM merangkap Pengerusi MALUMNI. Antara fokus utama mesyuarat ini termasuklah perbincangan mendalam mengenai Terma Rujukan (TOR) Majlis serta penetapan hala tuju dan perancangan pelaksanaan program-program strategik bagi tempoh tiga tahun akan datang, dari tahun 2025 hingga 2027. Perbincangan ini bertujuan memperkukuh jaringan alumni universiti awam serta memperkasakan peranan alumni dalam pembangunan institusi pendidikan tinggi negara.



Selain daripada agenda mesyuarat dan bengkel, peserta turut berpeluang menyertai aktiviti santai seperti permainan 'woodball' dan sesi Hi-Tea in the Garden yang berlangsung dalam suasana indah di Tasik Alumni UniMAP. Aktiviti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli, malah memberi ruang untuk pertukaran idea dalam suasana yang lebih santai dan terbuka. Sebagai penutup, mesyuarat bersetuju untuk mencadangkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai tuan rumah bagi mesyuarat akan datang.



SMART RIZQ EDUCATION METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)



Smart Rizq Education, sebuah syarikat swasta yang semakin berkembang dalam bidang pembelajaran inovatif dan digital, hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Sains Malaysia (USM) dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) H21.

Majlis menandatangani MoU ini telah berlangsung antara Timbalan Naib Canselor USM, Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin, Timbalan Naib Canselor BHEPA Universiti Sains Malaysia dan Pengasas juga Pengarah Eksekutif Smart Rizq Education, Puan Nur Izzarul Amira.



Kerjasama strategik ini bertujuan untuk memperkukuh jaringan akademik antara kedua-dua institusi, khususnya menjana kecemerlangan dan kejayaan dalam pendidikan yang bertemakan Empower, Educate, Evolve.



MoU ini memperlihatkan komitmen dalam membina hubungan kerjasama yang erat dengan sektor pendidikan swasta, terutamanya dalam mendepani cabaran transformasi digital dalam pendidikan.



Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha



LAWATAN PENANDA ARAS PUSAT PEMBANGUNAN ALUMNI (USM) KE PUSAT ALUMNI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)



USM  UUM

Pusat Pembangunan Alumni (ADC) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mendapatkan perkongsian berkenaan struktur dan fungsi Pusat Alumni serta pengurusan kewangan dan pengurusan data.

Pengarah Pusat Alumni UUM Prof. Madya. Dr. Lily Julenti Abu Bakar dan Puan Amelia Hakimi telah menyambut delegasi ADC dengan sesi pembentangan pelan tindakan serta aktiviti tahun 2024 serta pencapaian terdahulu.

Penyelaras Pusat Pembangunan Alumni, Encik Ahmad Wafi Sahedan turut berkongsi berkenaan pengurusan serta program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024.

Pelbagai isu yang dibangkitkan termasuklah 1 Alumni 1 Ringgit yang telah diperkenalkan oleh Pusat Alumni UUM bagi menarik minat para alumni untuk menyumbang semula kepada alma mater.



MAJLIS HI-TEA ALUMNI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ZON UTARA 2025



Tarikh & Masa: Telah berlangsung pada 27 April 2025, dari jam 4.00 petang hingga 5.30 petang.



Tempat: Dewan Seri Beringin, Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.



USM UNIVERSITY SAINS MALAYSIA APEX ADC
**MAJLIS
HI-TEA ALUMNI USM 2025
ZON UTARA**

TERHAD 50 ALUMNI SAHAJA

Pusat Pembangunan Alumni (ADC), Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan Majlis Hi-Tea Alumni USM Zon Utara bertempat di Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok. Majlis ini menghimpunkan alumni USM yang kini berkhidmat di UUM dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dalam suasana santai namun penuh bermakna.

Delegasi ADC yang diketuai oleh Penyelaras, Encik Ahmad Wafi Sahedan turut berkesempatan membentangkan peranan serta fungsi utama Pusat Pembangunan Alumni (ADC) dalam memperkukuh jaringan alumni dan menyokong agenda pembangunan universiti. Para alumni yang hadir juga diraikan dengan pemberian cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenangan daripada pihak ADC.

Program seperti ini bukan sahaja dapat mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan alumni, malah membuka ruang kerjasama strategik, perkongsian ilmu dan pengalaman yang selari dengan visi dan misi USM sebagai institusi bertaraf global.

ZON UTARA



Website

Alumni
Bulletin



SocMed

Alumni
News

Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha